

JUR LEX READ

#*BLOCK
OUT*2024

*WAVE
EXPRESSION
OF
FREEDOM*

**HAFIQ
HASAN
BASRI**

ULASAN DRAMA:

***W: TWO
WORLDS***

Writes:

***A JOURNEY OF
EXPLORATION
AND GROWTH***



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462





TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL DI MALAYSIA:

Suatu Nafas Baharu

Oleh: Nor Laila Ahmad & Noorsaliza Amin Nudin
(norlailaahmad@uitm.edu.my) &
(noorsaliza9648@uitm.edu.my)



PENGENALAN

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak kes yang melibatkan gangguan seksual kepada golongan wanita mahupun lelaki masih lagi berleluasa di negara ini dan telah menjadi fenomena global sama ada di tempat kerja, tempat awam dan institusi pendidikan. Berdasarkan statistik jenayah Malaysia tahun 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa terdapat peningkatan kes jenayah seksual iaitu sebanyak 2.9 peratus berbanding tahun-tahun terdahulu. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Aiman Athirah Sabu turut memaklumkan bahawa pihaknya menerima sebanyak 1,486 aduan berkaitan gangguan seksual. Menurut beliau, data tersebut diperolehi daripada Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) antara bulan Mac hingga Disember 2023.



Peningkatan kes gangguan seksual ini boleh menjejaskan pencapaian matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama yang memfokuskan cara hidup yang wajar (decent standard of living) kepada rakyat Malaysia pada tahun 2030. Pelbagai impak negatif yang terhasil daripada jenayah gangguan seksual ini antaranya menyebabkan mangsa mengalami trauma, fobia dan ketakutan yang boleh membawa mudarat dari aspek pekerjaan, pendidikan dan kesihatan.



TAKRIFAN GANGGUAN SEKSUAL

Seksyen 2 Akta Antigangguan Seksual 2022 mentakrifkan gangguan seksual sebagai “apa-apa kelakuan tidak diingini yang bersifat seksual, dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya”.

Berdasarkan definisi di atas, gangguan seksual merupakan tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini yang dilakukan terhadap seseorang melalui lisan, bukan lisan, isyarat, sentuhan, visual, psikologi atau fizikal.

Kebiasaannya gangguan seksual ini dilakukan oleh individu yang mempunyai pengaruh atau kedudukan yang lebih tinggi daripada mangsa. Golongan ini biasanya mengalami permasalahan dalam perhubungan kekeluargaan dan sosial yang tidak stabil.

Antara contoh gangguan seksual yang acap kali berlaku ialah gangguan secara fizikal di mana mangsa dipegang, dipeluk, dicium dan diraba. Selain itu, gangguan seksual secara lisan yang melibatkan penggunaan bahasa lucah juga boleh berlaku melalui pujian, perbualan, berjenaka dan membuat bunyi-bunyian.

PENUBUHAN TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Walaupun terdapat banyak perundangan berkaitan gangguan seksual seperti Kanun Keseksaan, Akta Kerja 1955, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, namun masih ada kekangan dari segi remedi, pembayaran ganti rugi atau pampasan dan hukuman sewajarnya kepada pelaku gangguan seksual ini.

Di samping itu, Akta Antigangguan Seksual 2022 juga telah mula dikuatkuasa sepenuhnya pada 8 Mac 2024 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu hak tebus rugi bagi mangsa-mangsa gangguan seksual di samping meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai jenayah gangguan seksual. Selain itu, kewujudan Akta Antigangguan Seksual 2022 ini amat penting kerana selaras dengan objektifnya, Akta ini telah diberi kuasa untuk menubuhkan suatu mekanisme baharu bagi penyelesaian kes-kes gangguan seksual yang dikenali sebagai Tribunal bagi Antigangguan Seksual.

Tribunal tersebut ditubuhkan sebagai satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan aduan berkenaan gangguan seksual dengan lebih mudah, cepat dan hanya melibatkan kos yang minimum bagi mangsa mengambil tindakan terhadap pelaku. Selaras dengan itu, Tribunal ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada mangsa gangguan seksual agar mereka lebih yakin untuk mendapatkan pembelaan undang-undang selain menekankan aspek remedi dan hukuman kepada pelaku.

Oleh itu, melalui mekanisme ini mangsa boleh mendapatkan hak tebus rugi akibat daripada gangguan seksual yang dialami.



BIDANG KUASA TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Merujuk kepada seksyen 7 Akta Antigangguan Seksual 2022, Tribunal bagi Antigangguan Seksual mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan apa-apa aduan gangguan seksual yang dibuat oleh mangsa. Walau bagaimanapun, penubuhan Tribunal tersebut tidak bermaksud untuk mengambil alih fungsi mahkamah, sebaliknya Tribunal ini dapat memberi pilihan kepada mangsa sama ada ingin membuat aduan di Tribunal atau mangsa juga boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah.

Selain itu, seksyen 8 Akta tersebut turut menyatakan bahawa tiada pertindihan bidang kuasa di antara Tribunal dan mahkamah sivil. Ini kerana, mangsa juga berpeluang membuat laporan polis supaya siasatan dapat dijalankan agar tindakan jenayah dapat diambil terhadap pelaku gangguan seksual.

Seterusnya, seksyen 10 menjelaskan mangsa gangguan seksual boleh membuat aduan kepada Tribunal dengan mengisi borang yang telah ditetapkan bersama dengan fi yang dikenakan. Presiden Tribunal bagi Antigangguan Seksual, Syafeera Mohd Said menyatakan mangsa hanya perlu memfailkan aduan di kaunter Tribunal dengan menjelaskan bayaran sebanyak RM30 bagi satu aduan.

AWARD/PERINTAH TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Kes yang dibawa ke Tribunal akan diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh hari pertama pendengaran dibuat seperti yang termaktub di bawah seksyen 19 Akta Antigangguan Seksual 2022. Pihak Tribunal perlu secara bertulis menyatakan sebab award atau keputusan itu diberikan. Hal yang sama juga perlu dilakukan jika aduan yang difailkan oleh mangsa gangguan seksual ditolak, maka pihak Tribunal perlu memberi sebab-sebab penolakan aduan tersebut.

Merujuk kepada seksyen 20, Tribunal diberikan kuasa membuat mana-mana satu atau lebih perintah seperti berikut:

(a) suatu perintah bagi responden untuk mengeluarkan suatu pernyataan permohonan maaf kepada pengadu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;

(b) jika aduan itu berhubung dengan apa-apa perbuatan gangguan seksual yang dilakukan di khalayak ramai, suatu perintah bagi responden untuk menyiarkan suatu pernyataan permohonan maaf kepada pengadu dalam apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;

(c) suatu perintah bagi responden untuk membayar apa-apa pampasan atau ganti rugi yang tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh pengadu berkenaan dengan perbuatan gangguan seksual itu; atau

(d) suatu perintah bagi pihak-pihak untuk menghadiri apa-apa program sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal.

Di samping itu, seksyen 22 memperuntukkan setiap award yang dibuat oleh Tribunal adalah muktamad dan seterusnya mengikat semua pihak kepada prosiding dan ia juga disifatkan sebagai suatu perintah mahkamah. Oleh hal yang demikian, award tersebut harus dikuatkuasakan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu.

Walau bagaimanapun, seperti yang termaktub di bawah seksyen 23 sekiranya ada mana-mana pihak kepada prosiding yang tidak berpuas hati dengan award yang diputuskan oleh Tribunal, pihak tersebut boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mencabar award tersebut dengan justifikasi ketidakteraturan yang serius yang menjejaskan award itu.



PENUTUP

Konklusinya, penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual ini merupakan suatu nafas baharu kepada mangsa-mangsa gangguan seksual. Tribunal ini dilihat sebagai jentera bagi penyelesaian alternatif bagi kes-kes gangguan seksual di Malaysia.

Dalam perkembangan terkini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga dalam proses merangka satu sistem e-pemfailan yang komprehensif bagi memudahkan mangsa untuk membuat aduan kepada Tribunal walau di mana sahaja mereka berada.

Selain itu, sinergi antara pihak Kementerian dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga perlu diteruskan agar penyaluran maklumat berkaitan perkhidmatan Tribunal dapat disebarkan ke setiap pelusuk negeri di Malaysia. Semoga dengan pengoperasian Tribunal ini menjadi titik permulaan bagi pembelaan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa gangguan seksual di negara ini di samping melahirkan masyarakat yang lebih selamat dan dilindungi, baik di tempat kerja mahupun di persekitaran awam.

RUJUKAN

Abdullah, R. (2021). Gangguan Seksual: Peranan Parlimen dalam Penggubalan Undang-undang dan Polisi yang Relevan: Sexual Harassment: The Roles of Parliament in the Enactment of Law and Relevant Policy. Journal of the Malaysian Parliament, 1.

Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840)

Md Denin, M.J.A., Hassan, M.S., Tahir, N.S.M. (21 April 2024). Lelaki Tak Selamat! Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/04/1082096/lelaki-tak-selamat>

Wahab, N. A. (2022). TRIBUNAL BAGI ANTI GANGGUAN SEKSUAL: MEKANISME PENYELESAIAN ALTERNATIF KES GANGGUAN SEKSUAL DI MALAYSIA. In 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022) (pp. 7-12).